

Komponen BN wakili Cina serah kepada PM buat keputusan

UM 14 SEP 2002

KUALA LUMPUR 13 Sept. — Parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) yang mewakili kaum Cina akan menyerahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk membuat keputusan berhubung pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik berkata, sebelum itu pihaknya akan memberikan cadangan kepada Perdana Menteri mengenai cara terbaik untuk melaksanakan dasar tersebut.

“Sepatutnya isu pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dibincang secara tertutup tanpa melibatkan media.

“Ia tidak perlu dipolitikkan, sebaliknya dilakukan secara dialog dan perbincangan bersifat akademik,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Kesatuan Kakitangan Akademik Kolej Tunku Abdul Rahman (Tarcasa) kali ke-27 di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas laporan muka depan *Utusan Malaysia* semalam yang memetik satu sumber MCA sebagai berkata, parti-parti yang mewakili kaum Cina dalam BN sepakat mahu kerajaan mengekalkan penggunaan bahasa Mandarin bagi pengajaran Sains dan Matematik di semua sekolah rendah Cina.

Bagaimanapun, parti-parti te-

rsebut bersetuju jika pengajaran kedua-dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris hanya dimulakan di sekolah menengah.

Mengulas lanjut, Liong Sik menyatakan tiada siapa yang dapat mengesahkan sama ada kenyataan sumber itu benar atau tidak.

Penafian

Namun, beliau tidak membuat penafian berhubung kenyataan yang dikeluarkan oleh sumber MCA itu.

Sementara itu, Liong Sik berkata, pihaknya akan berusaha keras untuk mendapatkan dana bagi membiayai pengendalian Universiti Tunku Abdul Rah-

man (UNITAR).

“Kami akan berusaha melakukannya sebagaimana ketika mula membangunkan Kolej Tunku Abdul Rahman 30 tahun lalu,” katanya yang juga Pengerusi Majlis kolej itu.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, kelulusan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan bagi menubuhkan UNITAR adalah berasaskan kepada rekod cemerlang Kolej Tunku Abdul Rahman.

“Walaupun pelbagai kejayaan telah dapat dicapai, masih banyak perkara yang perlu dilakukan bagi menentukan masa depan pembangunan UNITAR dan Kolej Tunku Abdul Rahman,” ujarnya.